

- 1 Manakah pernyataan berikut menerangkan fitrah beragama dalam diri manusia?
- A Naluri ingin menyelesaikan masalah
 - B Naluri mengakui kewujudan Allah swt
 - C Naluri ingin mencari sesuatu yang baru
 - D Naluri ingin mencapai kebahagiaan hidup
- 2 Antara yang berikut yang manakah contoh karamah?
- A Encik Ali terlibat di dalam kemalangan yang dahsyat tetapi terselamat
 - B Bonda Nabi Isa AS dianugerahkan hidangan dari langit ketika beribadat
 - C Awan melindungi Rasulullah SAW semasa baginda berjalan
 - D Qarun berolah kekayaan yang luar biasa menjadi sombong dan takbur.
- 3 Antara yang berikut adalah ciri-ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam, **kecuali**
- A Pengasingan agama daripada kehidupan
 - B Menafikan kekuasaan tuhan dan peranan wahyu.
 - C Menggalakkan manusia mencari harta kekayaan secara halal
 - D Taasub kepada bangsa dan darjat hingga mengasingkan agama daripada kehidupan

Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al Quran dan Hadis

- 4 Pernyataan di atas merujuk kepada maksud :
- A Ajaran sesat
 - B Khurafat
 - C Maunah
 - D Istidraj

Ajaran Islam adalah praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada :
- A Alamiyah
 - B Rabbaniyah
 - C Syumuliyah
 - D Waqiiyyah

- 6 Berikut menerangkan Islam bersifat Alamiyah dalam bidang sosial **kecuali**
- A Tiada paksaan di dalam memeluk Islam
 - B Kebebasan memiliki harta yang halal
 - C Kebebasan bersuara dan mengeluarka pendapat
 - D Kebebasan melakukan perkara yang dituntut dalam Islam
- 7 Pilih pernyataan yang bukan menerangkan Islam bersifat Alamiyah dalam bidang ibadat.
- A Setiap amalan akan diberikan balasan
 - B Setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya
 - C Setiap ibadat hendaklah dilakukan dengan keikhlasan hati
 - D Fardu Ain dan Fardu Kifayah ialah satu kewajipan ke atas semua umat Islam
- Hak memilih pemerintah
 - Hak mendapat Pendidikan
 - Hak mencari harta dan membelanjakannya
 - Hak kebebasan bersuara dan memberikan pendapat
- 8 Pernyataan di atas menjelaskan tentang ...
- A Hak rakyat
 - B Hak pemerintah
 - C Hak kerajaan
 - D Hak negara
- 9 Pilih antara yang berikut Prinsip Kehakiman Islam
- A Menjamin kemewahan hidup manusia
 - B Menegakkan keadilan dan menghapus kezaliman
 - C Memperoleh keredaan Allah
 - D Memantapkan ekonomi negara.
- 10 Antara berikut, yang manakah bukan sumber perundangan Islam?
- A Al Quran
 - B Al Hadis
 - C Al Qias
 - D Al Ijtihad

- 11** Kehakiman Islam menjamin keamanan masyarakat majmuk kerana
- I** keadilan Islam tidak tertumpu kepada kaum muslimin sahaja
 - II** hikmah hukumannya meliputi seluruh masyarakat
 - III** keadilan Islam untuk orang Islam sahaja
 - IV** hikmah hukumannya untuk sebahagian masyarakat sahaja
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 12** Pilih pernyataan yang tidak benar mengenai konsep harta menurut Islam.
- A** Harta adalah milik Allah
 - B** Harta mesti dicari dan dibelanjakan sesuka hati
 - C** Harta adalah amanah Allah kepada manusia
 - D** Harta yang cukup syarat-syaratnya mesti dikeluarkan zakat.
- 13** Manakah antara berikut merupakan ujian pemilikan harta terhadap masyarakat?
- A** Hidup tidak tenteram dan sentiasa berada di dalam ketakutan
 - B** Tercetus peperangan yang memusnahkan harta dan mengorbankan nyawa.
 - C** Berlaku kemelesetan ekonomi yang meruntuhkan system kewangan
 - D** Berlaku inflasi dalam negara
- 14** Berikut merupakan matlamat bekerja dalam Islam ,kecuali ...
- A** Memajukan dan meningkatkan taraf hidup
 - B** Mengurangkan masalah pengangguran dalam masyarakat
 - C** Mewujudkan masyarakat yang rajin bekerja mencari harta
 - D** Membolehkan seseorang itu berdikari tanpa meminta belas ihsan orang lain.

- Ciptaan Allah
- Lengkap dan sesuai
- Kekal hingga ke hari kiamat

- 15 Pernyataan di atas menerangkan tentang
- A Ciri-ciri perundangan Islam
 - B Cara-cara perundangan Islam
 - C Keunggulan perundangan islam
 - D Syarat-syarat perundangan Islam

Keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan bukti dan hujah yang kuat

- 16 Pernyataan di atas berkaitan ...
- A Qadha
 - B Fikah
 - C Fatwa
 - D Ijtihad

- 17 Antara yang berikut, yang manakah cara mencapai matlamat perundangan Islam?
- I Mengamalkan cara hidup Islam
 - II Bertindak mengikut syariat Allah
 - III Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT
 - IV Mencintai kesejahteraan hidup di bumi Allah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II , III dan IV

- 18** Antara yang berikut manakah bukan matlamat penyelesaian masalah kepada diri dan keluarga?
- A** Menambahkan keyakinan dan keimanan seseorang kepada Allah
 - B** Memberikan ketenangan dalam kehidupan
 - C** Menghapuskan gejala sosial dan kemungkaran
 - D** Membangkitkan semangat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh
- 19** Manakah antara berikut merupakan langkah utama penyelesaian masalah menurut Islam?
- A** Menghukum orang yang melakukan punca masalah
 - B** Menitikberatkan masalah besar sahaja
 - C** Mengenalpasti punca masalah
 - D** Menilai semua punca masalah
- 20** Berikut merupakan keperluan penyelesaian masalah berdasarkan Islam
- I** Islam agama lengkap dan sempurna meliputi semua aspek kehidupan
 - II** Penyelesaian masalah berdasarkan Islam memberikan keadilan kepada manusia
 - III** Penyelesaian masalah berdasarkan Islam akan mewujudkan perpaduan ummah
 - IV** Islam agama yang memberikan balasan keatas perbuatan manusia di dunia sahaja
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II , III dan IV

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

21 Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dengan kehidupan.

1

22 Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.

1

23 Kereta ,wang , saham adalah termasuk dalam kategori

1

24 Pembubaran perkahwinan melalui mahkamah

1

Soalan 25 hingga soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

nyawa

masalah

Bijaksana

keturunan

maksum

Akal

25 Para nabi dan rasul bersifatiaitu terpelihara daripada melakukan sebarang dosa kecil atau dosa besar serta perkara yang boleh mencacatkan kemuliaan mereka.

1

26adalah anugerah Allah yang membezakan kedudukan antara manusia dan haiwan.

1

27 Allah mensyariatkan perundangan Islam untuk.....kehidupan manusia didunia dan akhirat

1

28 Menjauhi zina,liwat, homoseks dan lesbian adalah matlamat perundangan Islam untuk memelihara.....

1

Soalan 29 hingga Soalan 32

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

29 Antara kelebihan sifat Murunah ialah dapat mewujudkan keamanan dalam masyarakat

1

30 Memberikan taat setia kepada pemerintah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam merupakan tanggung jawab rakyat kepada pemimpin.

1

31 Bekerja merupakan satu tanggungjawab setiap individu untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga

1

32 Mencuri, menipu dan merompak ialah contoh mendapat harta secara pecah amanah

1

Soalan 33 hingga 34

Tuliskan jawapan yang betul berdasarkan pernyataan diberikan.

KONSEP PANDANGAN HIDUP ISLAM	PENGERTIAN	PRINSIP
P	Sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.	Islam menjamin hak asasi manusia
Q	Boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap atas prinsip asas.	Dilaksanakan mengikut kemampuan dan keadaan.

33 P ialah :


1

34 Q ialah :

1

Soalan 35 hingga 36

Tuliskan urutan Langkah Penyelesaian Masalah



35 R ialah :


1

36 S ialah :

1

Soalan 37

Lengkapkan carta dibawah.




37. T ialah :

1

Soalan 38

Lengkapkan carta berkaitan dengan nilai-nilai asas dalam Sistem Sosial Islam.




38. U ialah :

1

Soalan 39 - 40

Lengkapkan carta berikut



39 V ialah :

1

40 W ialah :

1

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Markah Bahagian B

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

Markah Bahagian A